

**Analisis tradisi maulid Nabi dalam karya ulama melayu Patani:  
Satu kajian Risalah Irsyaduljawiyyin ila Sabiili al-Ulama' al-  
Amiliin oleh Tuan guru Haji Abdullqadir bin  
Haji Wangah sekam**

*Isma-ie Katih*

*Ph.D. Islamic Studies (Usuluddin), Pensyarah College of Islamic Studies,*

*Prince of Songkla University, Pattani Campus, Thailand*

*Email: isma-ie.k@psu.ac.th*

---

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk menjelas tentang tradisi maulid Nabi oleh Tuan guru Haji Abdullqadir bin Haji Wangah dalam karyanya Risalah Irsyaduljawiyyin ila sabiili al-Ulama' al-Amiliin. Pada umumnya kajian ini berasaskan kajian kepustakaan menggunakan metode pengumpulan data dan metode analisis data. Daripada kajian ini didapati bahawa Tuan guru Haji Abdull qadir bin Haji Wangah ialah seorang tokoh ulama Nusantara kawasan Pattani beliau ialah Syikh Abdullqadir bin Haji Wangah bin Abdullatif bin Uthman tokoh yang terakhir Pattani Darussalam sehingga penhujung Abad 20, beliau Juga penulis kitab kitab khususnya kitab akidah. Dilahirkan pada tahun 1921 di kampung Sekam Pattani

Bagi Tuan guru Haji Abdullqadir dalam usaha beliau tentang maulid Nabi merujuk kepada pandangan-pandangan ulama seperti Imam Abu Syamah salah seorang guru Imam al-Nawawi, Imam al-Suyuti dan Syikh Mahamad Ali al-Maliki, perayaan maulid Nabi itu adalah Salah satu amalan yang terbaik adalah Bid'ah Hasanah sebagai peringatan yang diadakan setiap tahun pada hari bertepatan dengan hari kelahiran Rasulullah untuk memperlihatkan rasa syukur dengan cara memperingati maulid Rasulullah Sallallahu 'alaihiwasallam ,berkumpul, memjamun makanan dan beberapa hal lain dari berbagai macam bentuk ibadah dan luapan kegembiraan

**Kata kunci:** Tradisi maulid Nabi, ulama melayu Patani, Risalah Irsyaduljawiyyin

## **Pendahuluan**

Karya Risalah Irsyaduljawiyiin ila sabiili al-Ulama' al-Amiliin ialah salah satu daripada Manuskrip Melayu yang merupakan gambaran sebenar warisan budaya masyarakat Islam di Nusantara pada umumnya dan secara khusus di masyarakat Islam selatan Thailand. Karya ini ditulis pada masa masyarakat Islam di selatan Thailand sangat hebat berlaku pertikaiyan di antara aliran salaf dan khalaf tentang ayat ayat dan hadith hadith sifat dan masalah merayakan maulid Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Kajian ini adalah analisis teks dari sebuah kitab yang ditulis oleh Tuan guru Haji Abdullqadir bin Haji Wangah satu kes tentang becara maulid Nabi sahaja.

Penulisan Risalah Irsyaduljawiyiin ila sabiili al-Ulama' al-Amiliin beliau adalah seorang tokoh bidang Akidah, seorang ulama yang terkenal Tuan guru Haji Abdullqadir bin Haji Wangah dengan katanya Ayah der pondak sela budi sekam. Karya ini ditulis dengan bahasa melayu huruf jawi Fatani. Dalam kajian ini pengkaji menukulkan data data tersebut dan digantikan data data itu dengan tulisan huruf rumi

## **Ringkasan lantar belakan Tuan guru**

Tuan guru Haji Abdullqadir atau Aya der sekam salah seorang tokoh terkemudian Fatani sehingga penhujung abad 20 yang paling banyak menulis diperkirakan terdapat sejumlah lebih daripada sepuluh buah tajuk risalah kecil tidak melebihi 50 halaman, beliau yang telah terbit sehingga pada tarikh beliau meninggal dunia pada tahun 1412 H.<sup>1</sup> Nama lengkap beliau ialah, Haji Abd al-Qadir bin Haji Wangah bin Abd al-Latif bin Othman. Beliau dilahirkan di kampung Sekam, Palas, Patani pada tahun 1340 H. bersamaan 1921.<sup>2</sup>

## **Pendidikan awal**

Beliau bermula di pondok Balur tidak jauh dari kampung kelahirannya. Beliau belajar dengan seorang ulama bernama Haji Ahmad bin Muhammad Darawi yang lebih dikenali dengan panggilan Tok Balur. Rakan-rakannya yang sama-sama belajar bersama beliau di sana ialah Haji Wan Nuh bin Wan Nawang Kelaba, Haji Mat Kubang Saman dan Haji Awang Qari Pengkalan Jong. Selepas 4 tahun beliau belajar di sana, beliau telah berpindah dan belajar kepada Haji Ahmad Kubang Pasir, Binjai Lima. Namun selepas 2 tahun, gurunya itu telah meninggal dunia. Selepas kematian gurunya itu, beliau telah menyambung pengajiannya di pondok Perigi. Di sana beliau telah berguru dengan Tuan Guru Haji Ahmad bin Abd al-Wahhab al-Fusani iaitu seorang

---

<sup>1</sup> Ahmad Fathi al-Fatani (1900) **Ulama Besar dari patani**. Dar al-Na'im,hal: 374

<sup>2</sup> Ahmad Fathi al-Fatani (1900) **Ibib**,hal: 375

tokoh ulama terkenal dalam bidang usuluddin, qiraat dan ilmu falak di Patani ketika itu<sup>3</sup>

Pada tahun 1949, beliau telah menyambung pengajiannya di Kelantan dengan berguru dengan Tuan Guru Haji Abdullah Tahir Bunut Payong yang merupakan seorang tokoh ulama terkenal dalam bidang Fiqh Syafie disana. Ketika berada di Kelantan, Ayah Dir tidak hanya belajar di Bunut Payong sahaja, tetapi beliau juga belajar dengan ulama-ulama lain seperti Haji Muhammad Nur Ibrahim Penambang (merupakan Mufti Negeri Kelantan) dan Haji Ali Solahuddin Pulau Pisang di Masjid Muhammadi di bandar Kota Bharu.<sup>4</sup>

### **Menuntut ilmu di Makkah**

Ketika beliau menuntut di Kelantan beliau telah bertemu jodoh dengan seorang gadis Kampung Putih, Kota Bharu serta mendapat seorang anak lelaki yang diberi nama Ahmad Azam. Tidak berapa lama selepas mendapat seorang anak, Ayah Dir telah bercerai dengan isterinya lalu beliau kembali ke Fatani dan berkahwin kali ke-2 dengan Zainab binti Haji Abdullah Mayor. Pada tahun 1951 iaitu pada musim haji, beliau telah berangkat bersama isterinya ke Mekah untuk menyambung pelajarannya di sana.

Ayah Dir telah belajar selama 5 tahun di Mekah. Disana beliau telah berguru dengan ramai ulama di sana. Antara mereka itu Sheikh Wan Ismail bin Wan Abd al-Qadir al-Fatani (lebih dikenali dengan Pak Da Eil) yang telah membimbing beliau mahir di dalam bidang usuluddin dan ilmu alat (ilmu memahami bahasa Arab seperti Nahu Soraf, Balaghah dan Mantiq). Di sana beliau lebih banyak berguru secara khusus atau dalam kumpulan kecil berbanding dalam halaqah yang besar. Semasa di Makkah, beliau adalah seangkatan dengan tokoh-tokoh seperti Baba Wan Noh Kelaba, Haji Mat Kubang Saman, Haji Hussain Thusa, Pakda 'Eil Bendang Padang, Haji Hussain Kerasak, Haji Pak Chu Leh Bendang Jelapang, Haji Ramli Tandung, Haji Zakaria Becah, Haji Ismail Charik, Haji Ahmad Bendang Raya (Guru Pondok Pohon Sengkuang) dan lain-lain. Selepas menuntut di Mekah, beliau telah pulang ke tanah air bersama-sama isterinya dan dua orang cahaya mata bernama Hafsa dan Ismail.<sup>5</sup>

---

<sup>3</sup> Ahmad Fathi al-Fatani (1900) Ibid: 374-385, dan lihat: Ahmad Fathi al-Fatani. *Majalah Pengasuh*. bil 619. Kelantan: Pustaka Aman Press <https://ibadurrahman99.wordpress.com/2012/01/25>

<sup>4</sup> Ahmad Fathy al-Fatani (1900), Ibid, Ahmad Fathi al-Fatani. *Majalah Pengasuh*. bil 619. Ibid, lihat: <https://ibadurrahman99.wordpress.com/2012/01/25>

<sup>5</sup> Ahmad Fathi al-Fatani (1900), op.cit, hal:374-385, Ahmad Fathy al-Fatani. *Majalah Pengasuh*. bil 619. Kelantan: Pustaka Aman Press. <https://ibadurrahman99.wordpress.com/2012/01/25>

## Lintasan sejarah mulid Nabi

Seluruh ulama sepakat bahawa maulid Nabi tidak pernah diperingati pada masa Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* hidup dan tidak juga pada masa pemerintahan khulafaurrasyidin. al-Maqrizy (seorang ahli sejarah Islam) dalam bukunya “al-khutat” menjelaskan bahawa maulid Nabi mulai diperingati pada abad IV Hijriyah oleh Dinasti Fathimiyyun di Mesir.

Dinasti Fathimiyyun mulai menguasai Mesir pada tahun 362 H dengan raja pertamanya Al Muiz lidinillah, di awal tahun menaklukkan Mesir dia membuat enam perayaan hari lahir sekaligus; hari lahir ( maulid ) Nabi, hari lahir Ali bin Abi Thalib, hari lahir Fatimah, hari lahir Hasan, hari lahir Husein dan hari lahir raja yang berkuasa. Kemudian pada tahun 487 H pada masa pemerintahan al Afdhal peringatan enam hari lahir tersebut dihapuskan dan tidak diperingati, raja ini meninggal pada tahun 515 H. Pada tahun 515 H dilantik Raja yang baru digelar al-Amir lihkamillah, dia menghidup kembali peringatan enam maulid tersebut, begitulah seterusnya, peringatan maulid Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang jatuh pada bulan Rabiul awal diperingati dari tahun ke tahun hingga zaman sekarang dan meluas hampir ke seluruh dunia.<sup>6</sup>

Riwayat yang lain, bahawa peringatan Maulid Nabi pertama kali dilakukan oleh Raja Irbil (wilayah Irak sekarang), bernama Muzhaffaruddin al-Kaukabri, pada awal abad ke 7 Hijriyah. Ibn Kathir dalam kitab Tarikh berkata: Sultan Muzhaffar mengadakan peringatan maulid Nabi pada bulan Rabi' ul Awal. Dia merayakannya secara besar-besaran. Dia adalah seorang yang berani, pahlawan, alim dan seorang yang adil – semoga Allah merahmatinya. Dijelaskan oleh cucu Ibn al-Jauzi bahawa dalam peringatan tersebut, Sultan al-Muzhaffar mengundang seluruh rakyatnya dan seluruh ulama dari berbagai disiplin ilmu, baik ulama dalam bidang ilmu Fiqh, ulama Hadits, ulama dalam bidang ilmu kalam, ulama usul, para ahli tasawuf, dan lainnya. Sejak tiga hari, sebelum hari pelaksanaan Maulid Nabi, dia telah melakukan berbagai persiapan. Ribuan kambing dan unta disembelih untuk hidangan para hadirin yang akan hadir dalam perayaan Maulid Nabi tersebut. Segenap para ulama saat itu membenarkan dan menyetujui apa yang dilakukan oleh Sultan Al-Muzhaffar tersebut. Mereka semua berpandangan dan menganggap baik perayaan Maulid Nabi yang digelar untuk pertama kalinya itu.<sup>7</sup>

---

<sup>6</sup> Nashir Moh. Al Hanin (2007) **Sejarah Peringatan Maulid Nabi Shallallahu'alaihi Wasallam**, Penerjemah : Team Indonesia. Murajaah : Abu Ziyad Maktab Dakwah Dan Bimbingan Jaliyat Rabwah,hal,1

<sup>7</sup> □□-Suyuti(2000), **al-Hawi li al-Fatawa**. Dar al-Kutub al-'Lmiyyah, Bayrut , hal:1/182

Ibn Khallikan dalam kitab Wafayat al-A'yan menceritakan bahawa al-Imam al-Hafiz Ibn Dihyah datang dari Maroko menuju Syam dan seterusnya ke Irak. Ketika melintasi daerah Irbil pada tahun 604 Hijriah, dia mendapati Sultan al-Muzhaffar, raja Irbil tersebut sangat besar perhatiannya terhadap perayaan Maulid Nabi. Oleh karena itu, al-Hafiz Ibn Dihyah kemudian menulis sebuah buku tentang Maulid Nabi yang diberi judul "Al-Tanwir Fi Maulid Al-Basyir An-Nadzir". Karya ini kemudian dia hadiahkan kepada Sultan al-Muzhaffar.<sup>8</sup>

Para ulama, semenjak zaman Sultan al-Muzhaffar dan zaman selepasnya hingga sampai sekarang ini menganggap bahwa perayaan Maulid Nabi adalah sesuatu yang baik. Para ulama terkemuka dan Huffazh al-Hadis telah menyatakan demikian. Di antara mereka seperti al-Hafizh Ibn Dihyah (abad 7 H), al-Hafizh al-Iraqi (w. 806 H), al-Hafizh As-Suyuthi (w. 911 H), al-Hafiz al-Sakhawi (w. 902 H), Syekh Ibn Hajar Al-Haitami (w. 974 H), Al-Imam al-Nawawi (w. 676 H), al-Imam al-Izz ibn Abd al-Salam (w. 660 H), mantan mufti Mesir yaitu Syekh Muhammad Bakhita Al-Muthi'i (w. 1354 H), mantan Mufti Beirut Lubnan yaitu Syekh Mushthafa Naja (w. 1351 H), dan terdapat banyak lagi para ulama besar yang lainnya. Bahkan al-Imam al-Suyuti menulis karya khusus tentang Maulid yang berjudul "Husn al-Maqsid fi Amal al-Maulid". Kerana itu perayaan maulid Nabi, yang biasa dirayakan pada bulan Rabiul Awal menjadi tradisi umat Islam di seluruh dunia, dari masa ke masa dan dalam setiap generasi ke generasi.

Para ahli sejarah, seperti Ibn Khallikan, Sibth Ibn al-Jauzi, Ibn Kathir, al-Hafiz al-Sakhawi, al-Hafiz al-Suyuti dan lainnya telah sepakat menyatakan bahawa orang yang pertama kali mengadakan peringatan maulid adalah Sultan al-Muzhaffar. Namun juga terdapat pihak lain yang mengatakan bahawa Sultan Salahuddin al-Ayyubi adalah orang yang pertama kali mengadakan Maulid Nabi. Sultan Salahuddin pada kala itu membuat perayaan Maulid dengan tujuan membangkitkan semangat umat Islam yang telah padam untuk kembali berjihad dalam membela Islam pada masa Perang Salib.<sup>9</sup>

### **Tradisi maulid dalam Risalah Irsyaduljawiyyin**

Tuan guru Haji Abdullqadir bin Haji Wangah sekam meletak satu judul dalam Risalah Irsyaduljawiyyin ila sabiili al-Ulama'al-Amiliin iaitu

***"Bicara maulid Nabi Sallallahu 'alaihiwasallam :  
Adalah buat maulid itu pada panggilan orang melayu  
kita ialah setengah daripada bagai membesarkan***

---

<sup>8</sup> [https://id.wikipedia.org/wiki/Maulid\\_Nabi\\_Muhammad](https://id.wikipedia.org/wiki/Maulid_Nabi_Muhammad), (search,16/07/2019.jam :12.30)

<sup>9</sup> Lihat: [https://id.wikipedia.org/wiki/Maulid\\_Nabi\\_Muhammad](https://id.wikipedia.org/wiki/Maulid_Nabi_Muhammad), (search,16/07/2019.jam :12.30)

*Rasulullah Sallallahu 'alaihiwasallam dengan keseronokannya dan baca maulid zanjil atawa lainnya dan berdiri ketika menyabutkan beranakny Sallallahu 'alaihiwasallam dan berjamu makanan dan lainnya daripada bermacam-macam kebajikan pada bulan rabi 'ul awwal tiap-tiap tahun sebagai mezhahirkan kesukaan beranak Nabi padanya sematalah pulak dengan ain malamnya dan harinya”<sup>10</sup>*

**Pembemntangan Tuan guru di atas, menjelaskan bahawa pengertian maulid Nabi Muhammad Sallallahu'alaihiwasallam merupakan peringatan hari lahirnya iaitu suatu perayaan atau peringatan hari kelahirannya yang dilakukan secara berjamaah dengan beberapa kegiatan seperti jamuan makanan dibaca ayat-ayat al-Qur'an dan riwayat hidup Nabi Muhammad Sallallahu'alaihiwasallam melalui baca berzaji serta solawat dan pujian-pujian kepada beringda dengan maksud mengagungkan martabat Nabi Muhammad dan memperlihatkan kegembiraan Kaum muslimin menyambut kelahiran begingda. Peringatan maulid tersebut, kata maulid atau *milad* dalam bahasa Arab berarti hari lahir. Perayaan Maulid Nabi merupakan tradisi yang berkembang di masyarakat Islam setelah Nabi Muhammad Sallallahu'alaihiwasallam wafat. Secara substansi, peringatan ini adalah ekspresi bersyukur dan penghormatan kepada Nabi Muhammad Sallallahu'alaihiwasallam. Tuang guru menjelaskan lagi**

*“ Maka adalah itu-itu perkara ialah daripada Bid 'ah Hasanah sepankat dengan buat pondok-pondok dan madrasah-madrasah misalan tetapi jika dibuatnya dengan niat membesarkan bulan yang diperanakan rasullullah Sallallahu 'alaihiwasallam padanya dan tidak digaulkan dengan permainan-permainan yang haram misalan atawa dengan tujuan-tujuan yang lain dan dalam hawi bagi Suyuti mesorihkan dengan katanya: Maka disunatkan bagi kita mezhahirkan syukur dengan diperanakny Sallallahu 'alaihiwasallam dengan berhimpun dan berjamu jamuan dan upamanya kerana Nabi Muhammad sendiri syukur ia akan Allah di atas mengadakan dia rahmat bagi sekalian alam dan mengajar syara' bagi umatnya yaitu riwayat daripada*

---

<sup>10</sup>Abdullqadir bin Haji Wangah ( 1409) **Risalah Irsyaduljawiyyin ila sabiili al-Ulama'al-Amiliin**. Fatani saudara prees,hal”<sup>11</sup>

*Anas bahawasanya Nabi Sallallahu 'alaihiwasallam Aqiqah ia daripada dirinya kemudian daripada sudah jadi Nabi ia padahal telah datang warid bahawa Abdul Muttalib telah aqiqah ia baginya pada hari yang ketujuh bagi beranaknyanya dan adalah aqiqah itu tidak dituntut ulangkan dia kali yang kedua kalau begitu tetaplh buatan Nabi Sallallahu 'alaihiwasallam itu sebagai mezhahirkan bagi syukur itu . Lihatlah muka 196 juzu' 1 dan pada muka 189 mesharih juga dengan Bid'ah Hasanah yang diberi pahala atasnya kerana ada padanya membesarkan qadar Nabi Sallallahu 'alaihiwasallam dan mezhahirkan keseronokan dengan beranaknyanya yang mulia itu kemudian medatang syaikh Suyuti akan cerita mereka yang memulai buat mailid itu yaitu satu raja yang adil dan alim namanya abu said kukubri bin Zainuddin ialah raja negeri Irbil dan bercerita oleh setengah-setengah mereka yang hadir ia akan jamuan maulid bagi raja itu iyanya bilang pada itu seperalima ribu kepala kambing yang dipanggang dan sepuluh ribu ayam dan seratus kuda dan seratus ribu susu dan tiga puluh ribu pinggang halawa iyanya serukan ulama dan ahli tasawaf dan beginilah buaatannya tiap-tiap tahun belanjanya seratus ribu dinar dan biberapa banyak lagi kebajikan yang lain-lain dan cerita oleh isterinya bahawa baju bagi raja itu tak sampai harganya lima dirham pun maka isterinya meripik kepadanya maka jawab raja itu pakai aku akan kain harga lima dirham dan bersedakah aku dengan dirham yang lebih lagi itu terlebih baik daripada aku pakai yang harga mahal dan tinggal aku akan fakir miskin. **Anak-anak yang dikasihi.** Lihatlah sendiri dalam Hawi itu sehingga jupa hikmah Nabi Sallallahu 'alaihiwasallam tidak menambahkan amalan pada bulan rabiul awwal itu ialah kerana kasih sayang dengan umatnya iaitu takut Allah ta'ala mewajibkan diatas umatnya maka jadi **Musyaqqah** tetapi isyarat ia kepada kelebihan itu bulan dengan katanya kepada yang menanyakan Dia daripada puasa hari isnain itu ialah hari yang diperanakan daku padanya maka mulia hari itu mengadung bagi mulia itu bulan. yang*

*diperanakkan Dia padanya maka segialah kita hormat dengan secukup-cukup hormatnya*<sup>11</sup>

Penjelasan Tuan guru di atas maenjelas bahawa beliau merujuk kepada Imam Abu Syamah beliau salah seorang guru Imam al-Nawawi-mengatakan: Salah satu amalan bid'ah yang terbaik di zaman kita sekarang adalah peringatan yang diadakan setiap tahun pada hari bertepatan dengan hari kelahiran Rasulullah *Sallallahu 'alaihiwasallam Sallallahu 'alaihiwasallam* yang melalui dari bersedekah, kebaikan, menzahirkan perhiasan dan kebahagiaan. Sesungguhnya hal itu di sampin ada hal hal yang yang baik bagi orang orang fakir juga menumbuhkan perasan cinta dan menganggungkanya kepada Rasulullah *Sallallahu 'alaihiwasallam Sallallahu 'alaihiwasallam* di dalam hati mereka yang mengamalkannya. Semua praktik itu merupakan bentuk syukur kepada Allah *Subhanahu wa ta'ala* atas nikmat-Nya, yang menciptakan Rasulullah *Sallallahu 'alaihiwasallam* yang diutus membawa rahmat bagi segenap penghuni alam semesta.<sup>12</sup>

Bagi Tuan guru perayaan mauled Nabi adalah *Bid'ah Hasanah* sebagaimana beliau menjelas “*Maka adalah itu-itu perkara ialah daripada Bid'ah Hasanah sepankat dengan buat pondok-pondok dan madrasah-madrasah masalan tetapi jika dibuatnya dengan niat membesarkan bulan yang diperanakkan Rasulullah Sallallahu 'alaihiwasallam padanya dan tidak digaulkan dengan permainan-permainan yang haram masalan atawa dengan tujuan-tujuan yang lain.*<sup>13</sup>

Pandangan Tuan guru ini sesuai dengan padangan Imam al-Suyuti iaitu “Perayaan maulid termasuk bid'ah yang baik, pelakunya mendapat pahala. Sebab di dalamnya terdapat sisi mengagungkan derajat Nabi *Sallallahu 'alaihiwasallam* dan menampakan kegembiraan dengan waktu dilahirkannya Rasulullah *Sallallahu 'alaihiwasallam*”<sup>14</sup>

Sayyid Muhammad bin Alawi al-Maliki al-Hasani, mengatakan: Bahawa sesungguhnya mengadakan Maulid Nabi *Sallallahu 'alaihiwasallam* merupakan suatu tradisi dari tradisi-tradisi yang baik, yang mengandungi banyak manfaat dan faidah yang kembali kepada manusia, sebab adanya

---

<sup>11</sup> Abdullqadir bin Haji Wangah (1409) *Risalah Irsyaduljawiyyin ila sabiili al-Ulama'al-Amiliin*. Fatani saudara prees.hal:11-12

<sup>12</sup> Abdullqadir bin Haji Wangah(1409). *Ibib*,hal: 11, dan lihat al-Bakri Syata' al-Dimyatiy (nd)**Hasyiyah I 'anah al- Talibin**. Dar al Fikr, Beirut , 1/271

<sup>13</sup> Abdullqadir bin Haji Wangah(1409).*Ibib*,hal:11,

<sup>14</sup> al-Suyuti(2000), **al-Hawi li al-Fatawa**. Dar al-Kutub al-'Lmiyyah, Bayrut ,Lubnan:1/182



karunia yang besar. Oleh karena itu dianjurkan dalam syara' dengan serangkaian pelaksanaannya.<sup>15</sup>

Tuan guru merujuk lagi kepada pandangan Imam al-Suyuti ialah: Sunah bagi kami untuk memperlihatkan rasa syukur dengan cara memperingati maulid Rasulullah *Sallallahu 'alaihiwasallam*, berkumpul, membagikan makanan dan beberapa hal lain dari berbagai macam cara bentuk ibadah dan luapan kegembiraan".<sup>16</sup>

Penyataan ini sebagaimana dijelaskan oleh pendapat Imam al-Kharkhi mengungkap peringatan Maulid Nabi yang terjadi dimasa beliau, keistimewaan serta balasan bagi orang yang memperingati Maulid Nabi, "Barangsiapa menjamu makanan untuk pembacaan Maulid Rasul, mengumpul saudara-saudaranya, menghidup pelita dan memakai pakaian yang baru, wangi-wangian dan menjadikannya untuk mengagungkan kelahirannya (Maulid Nabi), maka Allah akan membangkit beliau pada hari Kiamat bersama golongan yang utama dari Nabi-Nabi, dan ditempatkan pada tempat (derajat) yang tinggi"<sup>17</sup>

Selain itu, Imam al-Ssirri al-Ssaqati menjelas: Barangsiapa yang menyediakan tempat untuk dibaca Maulid Nabi *Sallallahu 'alaihiwasallam*, maka sungguh dia menghendaki "Raudhah (taman)" dari taman-taman surga, karena sesungguhnya tiada dia menghendaki tempat itu melainkan kerana cintanya kepada Rasul. Dan Sungguh Rasul *Sallallahu 'alaihiwasallam* bersabda : "Barangsiapa mencintaiku, maka dia akan bersamaku di dalam surga"<sup>18</sup>

Tuan guru merujuk kepada pandangan al-Suyuti yang riwayat daripada Anas bahawa Nabi *Sallallahu 'alaihiwasallam* mengaqiqah dirinya sendiri sesudah kenabian, dan juga dijelaskan bahawa Abdul Muttalib telah mengaqiqah untuk Nabi pada hari ke tujuh kelahirannya. Adapun aqiqahnya tidak ada perulangan dua kali, katanya: Dan sungguh sangat jelas bagiku yang dikeluarkan, diriwayatkan atas asal yang lain iaitu apa yang diriwayat oleh Imam al-Baihaqi dari Anas bahawa sesungguhnya Nabi *Sallallahu 'alaihiwasallam* mengaqiqah dirinya sendiri sesudah kenabian, padahal sesungguhnya telah jelas riwayat bahawa niniknya Abdul Mutthalib telah mengaqiqah untuk Nabi pada hari ke tujuh kelahirannya. aqiqah itu tidak ada perulangan dua kali, maka dari itu sungguh apa yang dilakukan oleh Nabi *Sallallahu 'alaihiwasallam* menerangkan tentang rasa syukurnya karena

---

<sup>15</sup> Sayyid Muhammad bin Alawi Al-Maliki, (2009) **Mafahim Yajibu An-Tushahha**, Dar al-Kutum al- 'Ilm iyyah. hal. 309

<sup>16</sup> Abdullqadir bin Haji Wangah (1409). *Ibib*, hal: 11, al-Hawi 1/283

<sup>17</sup> al-Bakri Syata' al-Dimyatiy (nd) **Hasyiyah I 'anah al- Talibin**. Dar al Fikr, Beirut , 3/364

<sup>18</sup> al-Bakri Syata' al-Dimyatiy (nd) **Hasyiyah I 'anah al- Talibin**. Dar al Fikr, Beirut , 3/365

Allah telah mewujudkan bengingda sebagai rahmat bagi semesta alam, dan sebagai landasan bagi umatnya. Oleh karena itu, maka di mustahab/patut bagi kita untuk menerangkan rasa syukur kita dengan kelahirannya dengan mengumpulkan kaum Muslimin, menjamu makanan dan seumpamanya sebagai perwujudan untuk mendekat diri kepada Allah dan menunjuk kegembiraan”<sup>19</sup>

Tuan guru merujuk kepada Imam al-Suyuti lagi, bahawa maulid Nabi itu adalah *Bid'ah Hasanah* yang dapat pahala oleh pelakunya “Perayaan maulid termasuk *Bid'ah Hasanah* (yang baik), pelakunya mendapat pahala sebab terdapat di dalamnya sisi mengagungkan derajat Nabi *Sallallahu 'alaihiwasallam* dan menampak kegembiraan dengan waktu dilahirkannya Rasulullah *Sallallahu 'alaihiwasallam*”<sup>20</sup>.

Tuan guru merujuk lagi kepada Imam al-Suyuti mengcerita: bahawa Orang yang pertama kali memperbarui pelaksanaan maulid ialah penguasa Irbil, Raja al Mudzaffar Abu Said Kukburi bin Zainuddin Ali bin Biktikin (549-630 H), salah seorang raja yang agung, besar dan mulia, memiliki riwayat hidup yang baik beliau telah memakmurkan masjid Jami' al Mudzaffari di Safah Qasiyun.<sup>21</sup> Hal ini, dicerita oleh Imam al-Syuti riwayat Ibnu Katsir menjelas dalam kitabnya *al-Bidayah wan Nihayah*, bahawa raja Mudhaffar merayakan acara Maulid yang mulia di bulan Rabiul awwal, beliau membuat perayaan yang besar dan meriah, diberikan hadiah sebesar 1000 Dinar: sebagian orang yang menjumpai pemerintahan al-Mudhaffar menceritakan tentang keadaan beberapa perayaan maulid bahawa hidangan yang terhitung pada perayaan itu adalah 5000 ekor kambing panggang, 10.000 ekor ayam, 100 kuda, 100.000 susu fermentasi, 30.000 piring hidangan manis.<sup>22</sup>

Peringatan Maulid Nabi ini di hadir oleh seluruh ulama dari berbagai disiplin ilmu, baik ulama dalam bidang ilmu Fiqh, ulama Hadits, ulama dalam bidang ilmu kalam, ulama usul, para ahli tasawuf, dan lainnya. Mereka semua berpandangan dan menganggap baik perayaan Maulid Nabi yang digelar untuk pertama kalinya itu.<sup>23</sup>

Tuan guru menghujahkan lagi melalui kitab al-Hawi li al-Fatawa, hikmah Nabi *Sallallahu 'alaihiwasallam* tidak menambah amalan pada bulan rabiul awwal, kerana kasih sayang benginda kepada umatnya iaitu takut Allah Ta'ala mewajib atas umatnya atau menjadi musyaaqqah atasnya, tetapi menjadi isyarat menunjuk bahawa Beginda membesarkan hari lahirnya dengan berpuasa pada hari isnain sebagaimana hadith diriwayat oleh Immam Muslim. Daripada

---

<sup>19</sup> al-Suyuty(2000)al-Hawi li al-Fatawa: I/188

<sup>20</sup> al-Suyuty(2000)al-Hawi li al-Fatawa: I/182

<sup>21</sup> Abdullqadir bin Haji Wangah(1409).Ibib,hal:11-12

<sup>22</sup> al-Suyuty(2000) al-Hawi li al-Fatawa: I/2182

<sup>23</sup> sudah dijelas dalam makalh ini pada halaman 4

Abi Qatadah bahawa Rasul al-Allah *Sallallahu 'alaihiwasallam* ditanya mengenai puasa pada hari isnain?

فقال ذاك يوم ولدت فيه ويوم بعثت أو أنزل علي فيه.

*Bengindamenjawab: padanya hari yang telah dilahirkan aku, di bangkitkan aku menjadi Nabi dan diturunkan al-Quran atas aku.*<sup>24</sup>

Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihiwasallam* sendiri mengagungkan hari kelahirannya dan bersyukur kepada Allah pada hari itu atas nikmat-Nya yang terbesar kepadanya. Rasul Allah *Sallallahu 'alaihiwasallam*, menunjuk bahawa beginda membesarkan hari lahirnya dengan berpuasa. Inilah maksud melakukan maulid Nabi yang mulia cuma caranya itu adalah berlainan sama ada dengan berpuasa, mengadakan jamuan, berhimpun untuk mengigati Nabi Muhammad serta bersalawat keatasnya atau mendengar kisah kisahnya yang mulia itu<sup>25</sup>

Selain itu terdapat banyak dalil-dalil yang dijadikan sebagai dasar untuk memperingati kelahiran Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihiwasallam* oleh Sayyid Muhammad bin Alawi al-Maliki al-Hasani antaranya lain seperti berikut .

1. Maulid Nabi *Sallallahu 'alaihiwasallam* yang melia itu adalah satu bentuk luahan perasaan untuk mwnyatakan kekembiraan dan suka cita terhadap nabi *Sallallahu 'alaihiwasallam* .dan orang kafir pun dapat manfaat dengan ini juga seprti ringan siksa Abu lahab, sebagaimana dating dari hadith yang meriwayat dari Imam al-Bukhar bahawa Abi Lahab diringan siksanya pada tiap tiap hari isnain kerana memerdikakan seorang hamba yang berna Thuwaibah yang membawa khabar gembira kepadanya tentang kelahiran Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihiwasallam*.<sup>26</sup>

2. Gembira dengan Rasulullah Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihiwasallam*. adalah perintah al-Quran. Allah SWT menyuruh kita untuk

---

<sup>24</sup> Muslim, no:2804, Abdullqadir bin Haji Wangah (1409) **Risalah Irsyaduljawiyyin ila sabiili al-Ulama' al-Amiliin**. Fatani saudara prees.hal:11-12

<sup>25</sup> Sayyid Muhammad bin Alawi al-Maliki al-Hasani(1998) **Pandangan tentang hokum melakukan Maulid Nabi Sallallahu 'alaihiwasallam**.Pustaka Muhaammad Nasywan, penterjemah Azmin bin Yusuf. Hal:8-9

<sup>26</sup> Sayyid Muhammad bin Alawi al-Maliki al-Hasani( 1998) **Pandangan tentang hokum melakukan Maulid Nabi Sallallahu 'alaihiwasallam**. Pustaka Muhaammad Nasywan, penterjemah Azmin bin Yusuf. Hal: 8. Sayyid Prof. Dr. Muhammad ibn Sayyid 'Alawi ibn Sayyid ' Abbas ibn Sayyid ' Abdul 'Aziz al-Maliki al-Hasani al-Makki ( 1365 H - 1425 H) Sumber : <http://www.muslimoderat.net/2016/11/sayyid-muhammad-ibn-alawi-al-maliki-21.html#ixzz5t374oB3F>

bergembira dengan rahmat-Nya, sedangkan Nabi *Sallallahu 'alaihiwasallam* merupakan rahmat yang terbesar, sebagaimana tersebut dalam al-Quran, antara dalil perayaan maulid Nabi Muhammad menurut sebagian Ulama` adalah firman Allah:

قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ

*Ertinya: “ Katakanlah, dengan anugerah Allah dan rahmatNya ( Nabi Muhammad Sallallahu 'alaihiwasallam) hendaklah mereka menyambut dengan senang gembira.” (QS.Yunus: 58)*

firman Allah SWT lagi

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

*Artinya: “ Kami tidak mengutus engkau melainkan sebagai rahmat bagi semesta alam. ( QS. Al-Ambiya':107)*

peringatan Maulid Nabi *Sallallahu 'alaihiwasallam* mendorong orang untuk membaca salawat, dan salawat itu diperintahkan oleh Allah Ta'ala,

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

*“ Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya bershawat untuk Nabi. Wahai orang-orang yang beriman, bershawatlah kalian untuknya dan ucapkanlah salam sejahtera kepadanya.” ( al-Ahzab: 56).*

Apa saja yang mendorong orang untuk melakukan sesuatu yang dituntut oleh syara', berarti hal itu juga dituntut oleh syara'. Berapa banyak manfaat dan anugerah yang diperoleh dengan membacakan salam kepadanya

3. peringatan Maulid merupakan ungkapan membalas jasa beliau dengan menunaikan sebagian kewajiban kita kepada beliau dengan menjelaskan sifat-sifatnya yang sempurna dan akhlaqnya yang utama. Dulu, di masa Nabi, para penyair datang kepada beliau melantunkan qashidah-qashidah yang memujinya. Nabi ridha (senang) dengan apa yang mereka lakukan dan memberikan balasan kepada mereka dengan kebaikan-kebaikan. Jika beliau ridha dengan orang yang memujinya, bagaimana beliau tidak ridha dengan orang yang mengumpulkan keterangan tentang perangai-perangai beliau yang

mulia. Hal itu juga mendekatkan diri kita kepada beliau, yakni dengan manarik kecintaannya dan keridhaannya.

4. peringatan Maulid adalah perkara yang dipandang bagus oleh para ulama dan kaum muslimin di semua negeri dan telah dilakukan di semua tempat. Kerana itu, ia dituntut oleh syara', berdasarkan qaidah yang diambil dari hadits yang diriwayatkan Abdullah bin Mas'ud, "Apa yang dipandang baik oleh kaum muslimin, ia pun baik di sisi Allah; dan apa yang dipandang buruk oleh kaum muslimin, ia pun buruk di sisi Allah."<sup>27</sup>

Selain itu terdapat juga ulama-ulama yang melarangkan tentang merayakan maulid nabi antara lain

5. Sesungguhnya maulid Nabi *Sallallahu 'alaihiwasallam* itu mengandungi peringatan tentang kelahiran Nabi *Sallallahu 'alaihiwasallam* yang mulia, makjizatnya, perjalanan hidup, dan pengenalan terhadapnya. Tidakkah kita disuruh mengenali Rasulullah *Sallallahu 'alaihiwasallam* atau dituntut supaya mencontohi dan mengikuti sekalian pekerjaannya, beriman dengan makjizatnya serta membenarkan ayatnya? Memang sekalian kitab yang ditulis mengenai maulid Nabi *Sallallahu 'alaihiwasallam* itu dapat menghasilkan semua maksud ini.

6. Mengetahui kisah-kisah Rasulullah *Sallallahu 'alaihiwasallam* makjizat-makjizatnya dan tanda-tanda kenabian itu dapat menyempnakan keimanan terhadap Rasulullah *Sallallahu 'alaihiwasallam* serta menambahkan kasih sayang kepadanya, kerana manusia semula jadinya suka kepada keelokkan samaada kejadian, akhlak, ilmu, amal, kelakuan atau pegangannya. Dan tidak ada yang terlebih elok, lebih sempurna, lebih afdhal dari akhlak Rasulullah *Sallallahu 'alaihiwasallam* dan sifat-sifatnya Memandangkan menambah kasih sayang dan menyempnakan iman itu dituntut oleh syara', maka secara tidak langsung perkara yang mendurungkan kearah itu juga dituntut.

7. membesarkan Rasulullah *Sallallahu 'alaihiwasallam* itu disuruh oleh syara', begitu juga genbira terhadap hari kelahirannya yang mulia denga mengzahirkan kemesraan, mengadakan jamuan, berhimpun untuk mengingatnya, memuliakan orang-orang fakir itu semua adalah sejelas-jelas tanda kehormatan, kegembiraan, kemasraan, kesyukuran kepada Allah *Subhanahu wataala* yang telah menunjukkan kuta keagamanya yang lurus dan

---

<sup>27</sup> Sayyid Muhammad bin Alawi al-Maliki al-Hasani( 1998) **Pandangan tentang hokum melakukan Maulid Nabi *Sallallahu 'alaihiwasallam***. Pustaka Muhaammad Nasywan, penterjemah Azmin bin Yusuf. Hal:5-22. Sayyid Prof. Dr. Muhammad ibn Sayyid 'Alawi ibn Sayyid 'Abbas ibn Sayyid 'Abdul 'Aziz al-Maliki al-Hasani al-Makki ( 1365 H - 1425 H) Sumber : <http://www.muslimoderat.net/2016/11/sayyid-muhammad-ibn-alawi-al-maliki-21.html#ixzz5t374oB3F>

muliakan kita dengan membangkit kepada kita rasulnya Afdhalu as-Sholah wa at-Taslim<sup>28</sup>

Beriku ini pendapat pendapat yang mengatakan bahawa mauled Nabi itu tidak boleh dilakukan, antara lain;

1. Menurut fatwa Syaikh Abdul Muhsin Al Abbad al- Badr: Tidak ada dalil yang menyatakan boleh merayakan kelahiran Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam*, karena selama tiga abad pertama hijriyah ( masa keemasan Islam) tidak ditemukan perayaan ini. Perayaan ini muncul setelah masa itu. Ini menunjukkan bahawa perayaan maulid termasuk perkara yang baru rekaan yang baru dalam Islam, tidak ada di klangan sahabat, tabi' in, tabiuttabi' in yang merayakannya. Ini bukti bahawa perkara ini adalah perkara yang baru dalam agama. Seandainya boleh tentu sudah dilakukan oleh Nabi *shallallahu alaihi wa sallam*, para Khulafaur rasyidin, sahabat, tabi' in dan tabiuttabi' in, akan tetapi hal ini tidak didapati pada masa tiga generasi pertama. Ini perkara baru....<sup>29</sup>

2. Menurut fatwa Fatwa Syaikh ' Abdul 'Aziz bin 'Abdullah bin Baaz *rahimahullahu Ta'ala*: Merayakan hari ulang tahun tidak memiliki dasar (landasan) dalam syariat. Bahkan hal itu termasuk bid'ah berdasarkan sabda Nabi *shallallahu 'alaihi wa sallam*,

من أحدث في أمرنا هذا ما ليس منه فهو رد

“ *Barangsiapa yang membuat perkara baru dalam urusanku ini (agama) yang tidak ada dasarnya, maka hal itu tertolak.* ” *Hadits ini disepakati keshahihannya. (muslim:no:4589)*

Dalam lafadz Muslim dan Bukhari meriwayatkan secara mu'allaq dalam kitab Shahih-nya dengan shighah jazm (tegas),

من عمل عملا ليس عليه أمرنا فهو رد

“ *Barangsiapa yang mengerjakan suatu amal yang tidak ada dasarnya dari kami, maka amal tersebut tertolak.* ” *(al-Bukhary:2550)*

Nabi *Sallallahu 'alaihi wa sallam* tidak merayakan hari lahirnya sepanjang hidup benginda dan tidak diperintah hal itu , tidak mengajar kepada para sahabat dan juga khulafaur rasyidin. Seluruh

---

<sup>28</sup> Sayyid Muhammad bin Alawi al-Maliki al-Hasani(1998)*Ibib*

<sup>29</sup> Maklumat lanjutan sila lihat laman web: <https://muslim.or.id/29081>. Fatwa ini beliau sampaikan pada sesi tanya jawab kajian Shahih Bukhori, pada 10 Rabiulawwal 1438 H, di masjid Nabawi. dan diterjemahkan oleh : Ahmad Anshori Artikel. or. id<https://muslim.or.id/29081-fatwa-ulama-perayaan-maulid-nabi-adalah-masalah-khilafiyah.html>

sahabat tidak merayakan maulid Nabi. Padahal mereka adalah orang yang paling mengetahui sunnah Nabi *Sallallahu 'alaihi wa sallam*, paling mencintai Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam, dan orang yang paling bersemangat dalam mengikuti ajaran Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam. Jika merayakan maulid Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam itu disyariatkan, tentu mereka akan bersegara melaksanakannya...<sup>30</sup>

3. Menurut Syaikh Muhammad bin Shalih al-'Utsaimin *rahimahullah*, menjelaskan: Pertama: Malam kelahiran Rasul *shallallahu 'alaihi wa sallam* tidak diketahui secara pasti, bahkan sebagian ulama masa kini menyimpulkan hasil penelitian mereka bahawa malam kelahiran beliau adalah pada tanggal 9 Robi'ul Awwal dan bukan malam 12 Robi'ul Awwal. Oleh sebab itu maka menjadikan perayaan pada malam 12 Robi'ul Awwal tidak ada dasarnya dari sisi latar belakang historis.

Kedua: Dari sisi tinjauan syariat tidak ada dasar tentang meraya maulid Nabi. Apabila hal itu termasuk bagian syariat Allah maka tentunya Nabi *Sallallahu 'alaihi wa sallam* melakukan atau beliau sampaikan kepada umatnya. Dan jika beliau pernah melakukannya atau menyampaikannya maka mestinya ajaran itu terus terjaga,<sup>31</sup> sebab Allah ta'ala berfirman yang artinya,

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

“*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kami lah yang menjaganya.*” (al-Hijr: 9)

Mengikut penjelasan di atas, perayaan maulid Nabi *Sallallahu 'alaihi wa sallam* adalah masalah khilafiyah di antara para ulama. Antara ulama yang mengbolehkan seperti Imam al-Suyuti, Abu Syamah (Tuan guru bagi Imam al-Nawawi), Sayyid Muhammad bin Alawi al-Maliki al-Hasani, dan lain lain. Ada pun ulama yang berpendapat bahawa maulid Nabi itu tidak boleh diperayakan seperti Syaikh Abdul Muhsin Al Abbad al-Badr, Syaikh 'Abdul 'Aziz bin 'Abdullah bin Baaz, Syaikh Muhammad bin Salih al-'Utsaimin dan lain lain, kerana tidak ada dalil yang menyatakan boleh meraya kelahiran Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam*, dan selama tiga abad pertama hijrah atau masa keemasan Islam pun tidak ditemukan perayaannya. Maka keluar dari ikhtilaf pendapat ulama dalam masalah ini adalah dikalakan

## kesimpulan

---

<sup>30</sup> Maklumat lanjutan sila lihat laman web: <https://binbaz.org.sa/fatawa/82> Selesai diterjemahkan di pagi hari, Rotterdam NL 24 Dzulqa'dah 1438/17 Agustus 2017

<sup>31</sup> Ringkasan fatwa Syaikh Muhammad bin Shalih Al Utsaimin. maklumat lanjutan sila lihat Penerjemah: Abu Mushlih Ari Wahyudi. Artikel [www.muslim.or.id](http://www.muslim.or.id)

Tuan guru Haji Abdull qadir bin Haji Wangah ialah seorang tokoh ulama Nusantara kawasan Pattani beliau ialah Syikh Abdullqadir bin Haji Wangah bin Abdullatif bin Uthman tokoh yang terakhir Pattani Darussalam sehingga penhujung Abad 20, beliau Juga penulis kitab kitab khususnya kitab akidah. Dilahirkan pada tahun 1921 di kampong Sekam Pattani

Karya *Risalah Irsyaduljawiyiin ila sabiili al-Ulama' al-Amiliin* ialah salah satu daripada Manuskrip Melayu yang merupakan gambaran sebenar warisan budaya masyarakat Islam di Nusantara pada umumnya dan secara khusus di masyarakat Islan diselatan Thailand. Karya ini ditulis pada masa masyarakat Islam di selatan Thailand sangat hebat berlaku pertikaian di antara aliran salaf dan khalaf tentang ayat ayat dan hadith hadith sifat dan mauled nabi

- 1.1. Tuan guru Haji Abdullqadir dalam usaha beliau tentang maulid Nabi merujuk kepada pandangan-pandangan ulama seperti Imam Abu Syamah –salah seorang guru Imam al-Nawawi, Imam al-Suyuti dan Syikh mahamad Ali al-Maliki, perayaan maulid Nabi itu adalah Salah satu amalan bid' ah yang terbaik sebagai peringatan yang diadakan setiap tahun pada hari bertepatan dengan hari kelahiran Rasulullah untuk memperlihatkan rasa syukur dengan cara memperingati maulid *Rasulullah Sallallahu ' alaihiwwasallam* ,berkumpul, menjamun makanan dan beberapa hal lain dari berbagai macam bentuk cara ibadah dan luapan kegembiraan

## Rujukan

- Ahmad Fathi al-Fatani (1900) **Ulama Besar dari patani**. Dar al-Na 'im
- Ahmad Fathi al-Fatani. *Majalah Pengasuh*. bil 619. Kelantan: Pustaka Aman Press ,<https://ibadurrahman99.wordpress.com/2012/01/25>
- Ahmad Anshori **Artikel. or. idhttps: // muslim. or. id/ 29081-fatwa-ulama-perayaan-maulid-nabi-adalah-masalah- khilafiyah.html**
- Abu Syamah(1997) **al-Rawdhatan fi Akhbar al-Dawlatain al-Nuriyyah wa al-Salahiyyah**. Ta,1. Muasasah al-Risah, Bayrut
- Abdullqadir bin Haji Wangah (1409) **Risalah Irsyaduljawiyiin ila sabiili al-Ulama'al-Amiliin**. Fatani saudara prees
- al-Bukhary(1987)**Jami' al-Sahih al-Mukhtasar**.Dar Ibn Kathir
- al-Bakri Syata' al-Dimyatiy (nd)**Hasyiyah I ' anah al- Talibin**. Dar al Fikr, Beirut
- al-Suyuti(2000), **al-Hawi li al-Fatawa**. Dar al-Kutub al-'Lmiyyah, Bayrut
- Nashir Moh. Al Hanin (2007) **Sejarah Peringatan Maulid Nabi Shallallahu `alaihi Wasallam**, Penerjemah: Team Indonesia. Murajaah : Abu Ziyad Maktab Dakwah



Dan Bimbingan Jaliyat Rabwah

Sayyid Muhammad bin Alawi Al-Maliki, ( 2009 ) **Mafahim Yajibu An-Tushahha**, Dar al-Kutub

al- 'Ilm iyyah.

Sayyid Prof. Dr. Muhammad ibn Sayyid 'Alawi ibn Sayyid 'Abbas ibn Sayyid 'Abdul 'Aziz

al-Maliki al-Hasani al-Makki (1365 H -1425 H) Sumber :

<http://www.muslimoderat.net>

Muslim(nd) **Sahih Muslim**. Dar al-Jaily Bayrut.